

HANYA SATU KES PELANGGARAN SHMMP DILAPORKAN DI SABAH – PENGARAH KPDNHEP

June 5, 2020



KPDNHEP

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Hanya satu kes pelanggaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi Hari Raya Puasa dilaporkan berlaku di Sabah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Georgie Abas berkata, kes ini membabitkan kesalahan tidak meletakkan tanda harga bagi barangan harga terkawal yang disenaraikan dalam SHMMP.

Kes ini berlaku di Penampang dan melibatkan rampasan 900 biji telur yang bernilai RM360 dan peniaga telah dikenakan kompaun sebanyak RM1,000.

SHMMP bagi Hari Raya Puasa dilaksana bermula 20 Mei hingga 3 Jun, iaitu selama 15 hari. Manakala, SHMMP Pesta Kaamatan bermula pada 28 Mei hingga 3 Jun (tujuh hari).

Di Putrajaya, Menteri KPDNHEP Datuk Alexander Nanta Linggi dalam satu kenyataan memaklumkan sebanyak 147 kes telah dilaporkan dibawah SHMMP di seluruh Malaysia.

- Katanya, daripada jumlah itu, 32 kes melebihi harga maksimum dan 115 kes tiada tanda harga dan ia melibatkan rampasan berjumlah RM18,718 dengan nilai komplain RM308,500.

Sebanyak 32 kesalahan yang menjual barangan terkawal melebihi harga maksimum itu terdiri daripada 29 peruncit dan tiga pemborong.

Alexander berkata, KPDNHEP menerima 26 aduan sepanjang tempoh tiga skim itu berkuatkuasa dimana, empat aduan tidak meletakkan tanda harga, enam aduan tiada tanda harga merah jambu dan 16 aduan melebihi harga maksimum.

Menurutnya, sepanjang tempoh 15 hari itu, sebanyak 33,238 premis perniagaan diperiksa termasuk 751 pemborong.

Dibawah SHMMP Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai, sebanyak 35 barangan disenaraikan sebagai barangan harga terkawal musim perayaan.

Katanya, sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini, kementerian mendapati secara umumnya pmatuhan dan kerjasama diberikan oleh pengeluar, pemborong dan peruncit adalah baik dan memuaskan.

Komitmen dan tanggungjawab yang ditunjukkan kedua-dua pihak peniaga dan pengguna adalah faktor penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan skim ini.

<https://www.borneotoday.net/hanya-satu-kes-pelanggaran-shmmp-dilaporkan-di-sabah-pengarah-kpdnhep/>

